


RASULULLAH SAW BUKAN INSAN BIASA (SIRI 7)

OLEH: ABDULLAH
BUKHARI BIN ABDUL
RAHIM



HIMPUNAN KELEBIHAN RASULULLAH SAW



TOPIK SIRI INI

- SYAITAN TIDAK MAMPU MENYAMAR RUPA BAGINDA
- PAHALA DAN AZAB BERGANDA KEPADA PARA ISTERI BAGINDA
- BAGINDA DIBENAR BERISTERI RAMAI
- DIJAMIN KESELAMATAN DARI SEBARANG ANCAMAN MANUSIA
- HARAM BERDUSTA ATAS NAMA NABI
- HARAM MENINGGIKAN SUARA MELEBIHI SUARA BAGINDA

SYAITAN TIDAK MAMPU MENYAMAR RUPA BAGINDA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ رَأَى
فِي الْمَنَامِ فَقَدْ رَأَى فِي النَّارِ إِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَتَمَثَّلُ بِي

Sesiapa yang melihatku dalam mimpi,
maka dia memang melihat diriku yang
sebenar, kerana SESEUNGGUHNYA
SYAITAN TIDAK DAPAT MENJELMA
DALAM RUPAKU

(Sahih Muslim, 4206).



RASULULLAH SAW MIRIP HASAN BIN ALI?

قَالَ عَاصِمٌ قَالَ أَبِي فَحَدَّثَنِيهِ أَبْنُ عَبَّاسٍ فَأَخْبَرَهُ أَنِّي قَدْ رَأَيْتُهُ قَالَ رَأَيْتُهُ قُلْتُ إِي وَاللَّهِ لَقَدْ رَأَيْتُهُ قَالَ فَذَكَرْتُ الْحَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ قَالَ إِنِّي وَاللَّهِ قَدْ ذَكَرْتُهُ وَنَعَّتُهُ فِي مِشْيَتِهِ قَالَ فَقَالَ أَبْنُ عَبَّاسٍ إِنَّهُ كَانَ يُشْبِهُهُ

‘Asim memberitahu bahawa ayahnya pernah bermimpi melihat nabi. Dia menceritakan perihal perkara itu kepada Abdullah bin ‘Abbas.....(Ketika melihat Rasulullah dalam mimpinya) dia (ayah Asim) lantas teringat cucu nabi Hasan bin ‘Ali yang mirip dengan nabi pada sifat fizikal dan cara berjalan (dalam mimpinya itu)....Ibn ‘Abbas mengakui bahawa nabi SAW mirip dengan cucunya itu (Musnad Ahmad, 8152).

**MIMPI
RASULULLAH
SAW DUDUK
MESRA SEBELAH
AYAH PIN?**



AUDIT DAKWAAN MIMPI JUMPA NABI

- 1) Orang yang beriman kepada Rasulullah SAW mengenali baginda dengan ilmu yang mereka pelajari tentang sifat Rasulullah melalui hadith baginda. Sebarang mimpi bertemu baginda perlu diukur dengan ilmu bukannya khayalan.

- 2) Apabila ada orang mendakwa bermimpi berjumpa Rasulullah SAW, Muhammad ibn Sirin RH akan bertanya tentang sifat baginda yang dilihatnya. Jika tidak sama dengan sifat Rasulullah SAW sebagaimana yang dinyatakan hadith, Ibn Sirin menafikan mimpi tersebut
(Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari).

**SYAITAN TAK MAMPU
MENYAMAR DALAM RUPA**

**NABI..TAPI BOLEH
MENYAMAR RUPA
MANUSIA LAIN LALU
MENDAKWA DIRINYA
RASULULLAH SAW...**

**UKURANNYA ADALAH ILMU YANG
BENAR BERDASARKAN NASS
YANG SAHIH**



PAHALA DAN AZAB BERGANDA KEPADA PARA ISTERI BAGINDA

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ مَنْ يَأْتِ مِنْكُنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَةٍ يُضَاعِفُ لَهَا الْعَذَابُ
وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا (30) وَمَنْ
يَقْنُتْ مِنْكُنَّ لِلَّهِ وَرَسُولِهِ وَتَعْمَلْ صَالِحًا نُؤْتِهَا أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ
وَأَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيمًا (31)

Wahai para isteri Nabi, sesiapa antara kamu yang melakukan sesuatu perbuatan keji yang nyata, nescaya akan digandakan azab seksa baginya dua kali ganda. Dan (hukuman) yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya.

Dan sesiapa antara kamu semua tetap taat kepada Allah dan Rasul-Nya serta mengerjakan amal yang soleh, Kami akan beri kepadanya pahala amalnya itu dua kali ganda, dan Kami sediakan baginya limpah kurnia yang mulia (al-Ahzab 33:30-31).

BAGINDA DIBENAR BERISTERI RAMAI

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطْوُفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي لَيْلَةٍ وَاحِدَةٍ وَلَهُ تِسْعُ
نِسْوَةٍ

Anas RA menceritkan bahawa Nabi SAW menyetubuhi semua isteri baginda dalam satu malam dan pada waktu itu baginda punyai 9 isteri (Sahih al-Bukhari, 4680).

LELAKI TERBAIK MILIKI RAMAI ISTERI?

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ قَالَ قَالَ لِي ابْنُ عَبَّاسٍ
هَلْ تَزَوَّجْتَ قُلْتُ لَا قَالَ فَتَزَوَّجْ فَإِنَّ خَيْرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَكْثَرُهُنَّ نِسَاءً

Sa'd bin Jubayr menceritakan, Abdullah bin 'Abbas bertanya padaku “Adakah kamu sudah berkahwin?” Aku jawab “Belum!” Ibn 'Abbas menyambung, “Kahwinlah! Kerana manusia terbaik umat ini (**IAITU NABI MUHAMAMAD SAW SENDIRI**) miliki ramai isteri (Sahih al-Bukhari, 4681).

(فَإِنَّ خَيْرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَكْثَرُهَا نِسَاءٌ)

قَيْدٌ بِهَذِهِ الْأُمَّةِ لِيُخْرُجَ مِثْلُ سُلَيْمَانَ عَلَيْهِ السَّلَامُ " قِيلَ الْمَعْنَى خَيْرُ أُمَّةٍ مُحَمَّدٌ مَنْ كَانَ أَكْثَرُ نِسَاءَ مِنْ غَيْرِهِ مِنْ يَتَسَاوِي مَعَهُ فِيمَا عَدَا ذَلِكَ مِنَ الْفَضَائِلِ . وَالَّذِي يَظْهَرُ أَنَّ مُرَادَ إِبْنَ عَبَّاسٍ بِالْخَيْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَبِالْأُمَّةِ أَخْصَاءُ أَصْحَابِهِ ؛ وَكَانَ أَشَارَ إِلَى أَنَّ تَرْكَ التَّزْوِيجِ مَرْجُوحٌ ، إِذْ لَوْ كَانَ رَاجِحًا مَا آثَرَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَيْرَهُ ،

Lafaz “umat ini” disebut Ibn ‘Abbas untuk mengecualikan nabi Sulayman AS kerana baginda bukan umat nabi Muhammad...

Dikatakan lafaz itu bermaksud secara zahirnya, iaitu lelaki yang punya ramai isteri jauh lebih baik berbanding lelaki yang kurang jumlah isterinya.

Walaupun begitu, **YANG NYATA DARIPADA KATA-KATA IBN ‘ABBAS ITU ADALAH NABI MUHAMMAD SAW SENDIRI...** Beliau menunjukkan tidak berkahwin adalah pandangan yang lemah kerana jika ianya lebih utama, maka sudah pasti nabi tidak berkahwin ramai melebihi orang lain

(Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari).

وَكَانَ مَعَ كَوْنِهِ أَخْشَى النَّاسَ لِلَّهِ وَأَعْلَمُهُمْ بِهِ يُكْثِرُ التَّزْوِيجَ لِمَصْلَحةِ تَبْلِغُ الْأَخْكَامَ الَّتِي لَا يَطْلُعُ عَلَيْهَا الرِّجَالُ ، وَلِإِظْهَارِ الْمُعْجِزَةِ الْبَالِغَةِ
فِي خَرْقِ الْعَادَةِ لِكَوْنِهِ كَانَ لَا يَجِدُ مَا يَشْبَعُ بِهِ مِنْ الْقُوَّتِ غَالِبًا ، وَإِنْ وَجَدَ كَانَ يُؤْثِرُ بِأَكْثَرِهِ ، وَيَصُومُ كَثِيرًا وَيُوَاصِلُ ، وَمَعَ ذَلِكَ فَكَانَ
يَطْوُفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي اللَّيْلَةِ الْوَاحِدَةِ ، وَلَا يُطَاقُ ذَلِكَ إِلَّا مَعَ قُوَّةِ الْبَدَنِ ، وَقُوَّةُ الْبَدَنِ كَمَا تَقَدَّمَ فِي أَوَّلِ أَحَادِيثِ الْبَابِ تَابِعَةٌ لِمَا يَقُولُ
بِهِ مِنْ إِسْتِعْمَالِ الْمُقَوِّيَاتِ مِنْ مَأْكُولٍ وَمَشْرُوبٍ ، وَهِيَ عِنْدَهُ نَادِرَةٌ أَوْ مَعْدُومَةٌ

Walaupun baginda SAW adalah orang yang paling bertaqwa dan paling mengenal Allah, baginda tetap berkahwin ramai kerana ia ada kepentingan tertentu seperti menyampaikan hukum agama yang tidak dapat diketahui secara mendalam oleh lelaki. Ia juga menjadi mukjizat luar biasa baginda SAW kerana baginda selalu berlapar, selalu puasa dan puasanya dilakukan secara berterusan (melebihi sehari). Dalam keadaan ini pun baginda masih mampu menyetubuhinya semua isterinya dalam satu malam. Perkara itu sudah pasti tak mampu dilakukan kecuali bagi sesiapa yang punya kekuatan fizikal...

(Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari).

HIKMAH NABI BERKAHWIN RAMAI

- 1) Mendedahkan perihal kehidupan baginda dan ia membantu menolak dakwaan pihak musuh yang menfitnah baginda sebagai ahli sihir dan sebagainya.
- 2) Melembutkan hati banyak kabilah Arab dengan perkahwinan baginda.
- 3) Menambah bilangan keluarga dari pihak isteri baginda. Pertambahan keluarga pastinya menambah kekuatan sokongan dalam dakwah.

KISAH PERANG BANI MUSTALIQ

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ قَالَتْ لَمَّا قَسَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبَاعًا بَنِي الْمُصْطَلِقِ وَقَعَتْ جُوَيْرِيَةُ بِنْتُ الْحَارِثِ فِي السَّهْمِ لِتَابِتِ بْنِ قَيْسٍ بْنِ شَمَاسٍ أَوْ لِابْنِ عَمٍّ لَهُ وَكَاتِبَتْهُ عَلَى نَفْسِهَا وَكَانَتْ امْرَأَةً حُلْوَةً مُلَاحَةً لَا يَرَاهَا أَحَدٌ إِلَّا أَخْدَثَ بِنَفْسِهِ فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَسْتَعِينُهُ فِي كِتَابِتِهِ قَالَتْ فَوَاللَّهِ مَا هُوَ إِلَّا أَنْ رَأَيْتُهَا عَلَى بَابِ حُجْرَتِهَا فَكَرِهْتُهَا وَعَرَفْتُ أَنَّهُ سَيَرِى مِنْهَا مَا رَأَيْتُ فَدَخَلَتْ عَلَيْهِ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَا جُوَيْرِيَةُ بِنْتُ الْحَارِثِ بْنِ أَبِي ضِرَارٍ سَيِّدِ قَوْمِهِ وَقَدْ أَصَابَنِي مِنَ الْبَلَاءِ مَا لَمْ يَخْفَ عَلَيْكَ فَوَقَعَتْ فِي السَّهْمِ لِتَابِتِ بْنِ قَيْسٍ بْنِ الشَّمَاسِ أَوْ لِابْنِ عَمٍّ لَهُ فَكَاتِبَتْهُ عَلَى نَفْسِي فَجِئْتُكَ أَسْتَعِينُكَ عَلَى كِتَابِتِي قَالَ فَهَلْ لَكَ فِي خَيْرٍ مِنْ ذَلِكَ قَالَتْ وَمَا هُوَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَقْضِي كِتَابَكِ وَأَتَزَوَّجُكِ قَالَتْ نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ قَدْ فَعَلْتُ قَالَتْ وَخَرَجَ الْخَبْرُ إِلَى النَّاسِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزَوَّجَ جُوَيْرِيَةَ بِنْتَ الْحَارِثِ فَقَالَ النَّاسُ أَصْهَارُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَرْسَلُوا مَا بِأَيْدِيهِمْ قَالَتْ فَلَقَدْ أَعْتَقَ بِتَزْوِيجِهِ إِيَّاهَا مِائَةً أَهْلِ بَيْتٍ مِنْ بَنِي الْمُصْطَلِقِ فَمَا أَعْلَمُ امْرَأَةً كَانَتْ أَعْظَمَ بَرَكَةً عَلَى قَوْمِهَا مِنْهَا

Selepas perang itu, Juwayriyah menjadi hamba perang dalam bahagian rampasan perang seorang sahabat bernama Thabit bin Qays bin Syammas atau sepupu Thabit. Juwayriah yang cuba menebus dirinya datang bertemu Rasulullah SAW untuk memohon bantuan baginda. Baginda kemudiannya memerdekan Juwayriah dan mengahwininya. Setelah berita perkahwinan baginda tersebar, para sahabat mulai membebaskan semua tawanan perang Bani Mustaliq sambil berkata: “(Bebaskan mereka kerana) mereka ini adalah biras, ipar dan mentua Rasulullah!” Tindakan tersebut mengakibatkan sebanyak 100 keluarga Bani Mustaliq memeluk Islam termasuk ayah Juwayriah sendiri iaitu al-Harith bin Abi Dhirar (Musnad Ahmad, 25161).

MUKJIZAT KENABIAN

Setelah mendapat tahu anaknya ditawan oleh Rasulullah, Al-Harith bin Abi Dhirar (ayah Juwayriyah) menemui Rasulullah di Madinah dengan hasrat menebus anaknya. Semasa dalam perjalanan dia membawa banyak ekor unta sebagai bahan tebusan. Setelah sampai di sebuah tempat bernama al-'Aqiq, al-Harith menyembunyikan 2 ekor unta terbaik kerana berasa sayang dengan unta tersebut. Setelah bertemu Rasulullah dan menawarkan beberapa ekor unta sebagai tebusan anaknya, **Rasulullah SAW bertanya padanya di manakah 2 ekor yang disembunyikan di al-'Aqiq dalam sebuah lembah di situ.** Setelah mendengar pertanyaan itu, al-Harith segera mengucapkan 2 kalimah syahadah dan mengakui kerasulan baginda SAW kerana tiada siapa yang tahu dia telah menyembunyikan unta tersebut di situ. Peristiwa ini juga menjadi sebab pengislaman kaumnya (Sirah Ibn Hisyam).

ثُمَّ أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ أَصَبْتُمْ ابْنَتِي ، وَهَذَا فِدَاؤُهَا ،
فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَيْنَ الْبَعِيرَانِ اللَّذَانِ غَيْبَتِ بالْعَقِيقِ فِي شِعْبِ
كَذَا وَكَذَا ؟ فَقَالَ الْحَارِثُ أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَنْكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْكَ ، فَوَاللَّهِ مَا اطْلَعَ عَلَى ذَلِكَ إِلَّا اللَّهُ تَعَالَى فَأَسْلَمَ الْحَارِثُ ، وَأَسْلَمَ مَعَهُ ابْنَانِ
لَهُ وَنَاسٌ مِنْ قَوْمِهِ وَأَرْسَلَ إِلَى الْبَعِيرَيْنِ فَجَاءَ بِهِمَا ، فَدَفَعَ الْإِبْلَيْنِ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَدُفِعَتْ إِلَيْهِ ابْنَتُهُ جُوَيْرِيَةُ ،

HIKMAH NABI BERKAHWIN RAMAI

- 4) Berupaya menyampaikan hukum agama berkaitan wanita yang tak mampu diketahui atau difahami orang lelaki.
- 5) Membuktikan akhlak mulia dalaman yang baginda miliki yang pastinya hanya diketahui oleh ahli keluarga dalam rumah. Contohnya baginda berkahwin dengan Ummu Habibah binti Abi Sufyan, begitu juga Safiyyah binti Huyay. Diketahui umum bapa kedua isterinya ini adalah musuh utama nabi. Masakan anak perempuan mereka boleh menerima baginda tanpa dendam jika tidak kerana kehebatan akhlak baginda.

HIKMAH NABI BERKAHWIN RAMAI

6) Bukti mukjizat kerana baginda mampu bersama semua isterinya walaupun makannya sikit, banyak puasa. Bahkan dalam hadith lain nabi bimbing cara nak jaga nafsu bagi orang yang tak mampu secara kewangan untuk berkahwin agar berpuasa.

Puasa pada orang awam mampu melemahkan nafsu untuk berkelamin.

مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلِيَتَرْوَجْ فِإِنَّهُ أَغَضٌ لِلْبَصَرِ وَأَخْسَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءُ

Sesiapa yang mampu berkahwin, maka kahwinlah kerana ia mampu menundukkan pandangan mata dan menjaga kemaluan. Sesiapa yang tak mampu kahwin (secara kewangan) maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa boleh jadi penghalang nafsunya

(Sahih al-Bukhari, 1772 & Sahih Muslim, 2485).

DIJAMIN KESELAMATAN DARI SEBARANG ANCAMAN MANUSIA

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا
يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya; **DAN ALLAH JUALAH AKAN MEMELIHARAMU DARI (KEJAHATAN DAN PEMBUNUHAN) MANUSIA.** Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir (al-Ma''idah 5:67).

قَالَتْ عَائِشَةُ أَرَقَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ فَقَالَ لَيْتَ رَجُلًا صَالِحًا مِنْ أَصْحَابِي يَحْرُسُنِي الْلَّيْلَةَ إِذْ سَمِعْنَا صَوْتَ السِّلَاحِ قَالَ مَنْ هَذَا قَالَ سَعْدٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ جِئْنُتُ أَخْرُسُكَ فَنَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى سَمِعْنَا غَطِيطَةً

Pada suatu malam Nabi SAW tersedar daripada tidur dan berkata: “(Alangkah baiknya) jika ada mana-mana lelaki soleh daripada sahabatku yang boleh menjagaku pada waktu malam.” Tiba-tiba kami dengar bunyi senjata bergemercik. Baginda lalu bertanya: “Siapa tu?” Suara itu menjawab: “Saya adalah Sa’ad. Wahai Rasulullah, Aku datang untuk menjagamu.” Selepas itu baginda SAW tidur nyenyak sehingga kami dengar dengkur baginda (Sahih al-Bukhari, 6690).



عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْرِسُ حَتَّى نَزَّلَتْ : " وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ " وَهُوَ يَقْتَضِي أَنَّهُ لَمْ يُحْرِسْ بَعْدَ ذَلِكَ بِنَاءً عَلَى سَبْقِ نُزُولِ الْآيَةِ لَكِنْ وَرَدَ فِي عِدَّةِ أَخْبَارٍ أَنَّهُ حُرِسَ فِي بَدْرٍ وَفِي أَحْدَ وَفِي الْخَنْدَقِ وَفِي رُجُوعِهِ مِنْ خَيْرَ وَفِي وَادِي الْقُرَى وَفِي عَمْرَةِ الْقَضِيَّةِ وَفِي حُنَيْنٍ ، فَكَانَ الْآيَةُ نَزَّلَتْ مُتَرَاخِيَةً عَنْ وَقْعَةِ حُنَيْنٍ ، وَيُؤَيْدُهُ مَا أَخْرَجَهُ الطَّبَرَانيُّ فِي الصَّغِيرِ مِنْ حَدِيثِ أَبِي سَعِيدٍ " كَانَ الْعَبَّاسُ فِيمَنْ يُحْرِسُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا نَزَّلَتْ هَذِهِ الْآيَةَ تَرَكَ " وَالْعَبَّاسُ إِنَّمَا لَازَمَهُ بَعْدَ فَتْحِ مَكَّةَ ، فَيُحْمَلُ عَلَى أَهْمَّهَا نَزَّلَتْ بَعْدَ حُنَيْنٍ ، وَحَدِيثُ حِرَاسَتِهِ لَيْلَةَ حُنَيْنٍ أَخْرَجَهُ أَبُو دَاؤُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَالْحَاكِمُ مِنْ حَدِيثِ سَهْلِ بْنِ الْحَنْظَلِيَّةِ أَنَّ أَنَسَ بْنَ أَبِي مَرْثَدَ حَرَسَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِلْكَ الْلَّيْلَةَ وَتَتَبَعَ بَعْضُهُمْ أَسْمَاءَ مَنْ حَرَسَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَمَعَ مِنْهُمْ سَعْدَ بْنَ مُعاذَ وَمُحَمَّدَ بْنَ مَسْلَمَةَ وَالزُّبَيرَ وَأَبُو أَيُّوبَ وَذَكْوَانَ بْنَ عَبْدِ الْقَيْسِ وَالْأَذْرَعَ السُّلَمِيَّ وَابْنَ الْأَذْرَعَ وَاسْمَهُ مَحْجَنَ وَيُقَالُ سَلَمَةُ وَعَبَادُ بْنُ بِشْرٍ وَالْعَبَّاسُ وَأَبُو رَيْحَانَةَ وَلَيْسَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْ هُؤُلَاءِ فِي الْوَقَائِعِ الَّتِي تَقَدَّمَ ذِكْرُهَا حَرَسَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَحْدَهُ ، بَلْ ذِكْرُهُ فِي مُطْلَقِ الْحَرَسِ فَأَمْكَنَ أَنْ يَكُونَ خَاصًا بِهِ كَأَيِّ أَيُّوبٍ حِينَ بِنَائِهِ بِصَفَيَّةٍ بَعْدَ الرُّجُوعِ مِنْ خَيْرٍ وَأَمْكَنَ أَنْ يَكُونَ حَرَسَ أَهْلِ تِلْكَ الْغَزْوَةِ كَانَسِ بْنِ أَبِي مَرْثَدَ ، وَالْعِلْمُ عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى

Fath al-Bari.

BILA BAGINDA MULAI TAK PERLU DIJAGA?

قَالَ الْعُلَمَاءُ : وَكَانَ هَذَا الْحَدِيثُ قَبْلَ نُزُولِ قَوْلِهِ تَعَالَى : { وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ } لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَكَ الْإِحْتِرَاسَ حِينَ نَزَّلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ ، وَأَمَرَ أَصْحَابَهُ بِالاِنْصِرَافِ عَنْ حِرَاسَتِهِ ، وَقَدْ صَرَّحَ فِي الرِّوَايَةِ الثَّانِيَةِ بِأَنَّ هَذَا الْحَدِيثَ الْأَوَّلُ كَانَ فِي أَوَّلِ قُدُومِهِ الْمَدِينَةَ ، وَمَعْلُومٌ أَنَّ الْآيَةَ نَزَّلَتْ بَعْدَ ذَلِكَ بِأَزْمَانٍ .

Para ulama berkata hadith tentang penjagaan nabi oleh para sahabat berlaku sebelum turunnya ayat (al-Ma'idah 5:67). Ini kerana baginda mengelak daripada dijaga dan meminta agar para sahabat meninggalkannya selepas turunnya ayat ini. Dalam riwayat lain menyebut, hadith penjagaan nabi itu berlaku ketika awal ketibaan baginda di Madinah, dan diketahui umum bahawa surah al-Ma'idah turun lama selepas itu (Syarh Sahih Muslim oleh Imam al-Nawawi).

SOALAN KRITIS TENTANG KELEBIHANINI

Jika benar baginda mendapat jaminan penjagaan (al-Ma'idah 5:67),
**mengapa baginda boleh cedera dalam perang Uhud dan diracun
dalam peristiwa Khaybar?**

DUA jawapan:

- 1) Jaminan itu merujuk kepada keselamatan daripada DIBUNUH.
- 2) Ayat tersebut turun selepas perang Uhud dan Khaybar.

(Tuhfat al-Ahwadhi Syarh Sunan al-Tirmidhi)

PARA NABI SEBELUM BAGINDA DIBUNUH?

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا نُؤْمِنُ بِمَا أُنْزِلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَاءَهُ وَهُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَهُمْ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ مِنْ قَبْلٍ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu kepada apa yang diturunkan oleh Allah (kepada Nabi Muhammad)", mereka menjawab: "Kami hanya beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami (Taurat)". Dan mereka ingkarkan (Kitab) yang lain yang diturunkan kemudian daripadanya, padahal Al-Quran itu benar lagi mengesahkan Kitab Taurat yang ada pada mereka. **KATAKANLAH (WAHAI MUHAMMAD): "JIKA DEMIKIAN MENGAPA KAMU MEMBUNUH PARA NABI ALLAH PADA MASA YANG LALU KALAULAH KAMU BENAR ORANG YANG BERIMAN?"**(al-Baqarah 2:91).

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ بِغَيْرِ حَقٍّ
وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيق

Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang (Yahudi) yang mengatakan: Bahwasanya Allah miskin dan kami ialah orang kaya. Kami (Allah) akan menuliskan perkataan mereka itu **DAN PERBUATAN MEREKA MEMBUNUH PARA NABI TANPA ALASAN YANG MEMBENARKANNYA**, dan Kami akan katakan kepada mereka: "Rasalah kamu azab seksa yang sentiasa membakar - (Ali 'Imran 3:181).

HARAM BERDUSTA ATAS NAMA NABI

عَنْ الْمُغِيرَةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَى
أَحَدٍ مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلَيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنْ النَّارِ

Sesungguhnya berdusta atas namaku tidak sama dengan dusta ke atas orang lain. Sesiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka tersedialah tempatnya dalam neraka

(Sahih al-Bukhari, 1209).

عَظِيمٌ تَحْرِيمُ الْكَذِبِ عَلَيْهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَّهُ فَاحِشَةٌ عَظِيمَةٌ وَمُوبِقَةٌ كَبِيرَةٌ وَلَكِنْ لَا يَكُفُرُ بِهَذَا
الْكَذِبِ إِلَّا أَنْ يَسْتَحِلَّهُ . هَذَا هُوَ الْمَشْهُورُ مِنْ مَذَاهِبِ الْعُلَمَاءِ مِنْ الطَّوَافِ

(Hadith ini menunjukkan) pengharaman yang besar terhadap jenayah dusta atas nama nabi SAW. Ia adalah perbuatan keji yang berat dan suatu dosa yang sangat besar. Akan tetapi dosa ini tidak membawa kepada kekufur'an melainkan jika si pelaku menghalalkan perbuatannya (memalsukan hadith nabi)

(Syarh Sahih Muslim oleh Imam al-Nawawi)

2 HUKUM PEMALSU HADITH

- 1) KAFIR**, jika pemalsu hadith berniat mengubah hukum seperti menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal.

- 1) DOSA BESAR**. Buktiya dalam hadith itu nabi menyatakan MAKA TERSEDIALAH UNTUKNYA TEMPAT DALAM NERAKA. Maksud hadith ini bukan kekal dalam neraka, tetapi lama berada dalam neraka. Tambahan pula dalil lain menunjukkan yang kekal dalam neraka hanya khusus untuk orang kafir (Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari).

HARAM MENINGGIKAN SUARA MELEBIHI SUARA BAGINDA

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرٍ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ (2) إِنَّ الَّذِينَ يَغْضُبُونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِتَتَقَوَّى لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ (3)

Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu angkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amalan kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyadarinya. Sesungguhnya orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (s.a.w), - merekalah orang yang telah dibersihkan Allah hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar (al-Hujurat 49:2-3).



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ رَأَوْا هَؤُلَاءِ قَوْمًا فَرَأُوا مِنْهُمْ
وَلَا يَجْهَرُونَ لِكَجْهَرٍ بِعْضُهُمْ كَلِيلٌ عَزَّزَهُمُ الْحَسَدُ وَانْتَهَى
إِلَيْهِمُ الْقَوْلُ كَجْهَرٍ بِعْضُهُمْ كَلِيلٌ عَزَّزَهُمُ الْحَسَدُ وَانْتَهَى

TAFSIRAN IMAM AL-QURTUBI

أي إذا نطق ونطقتم فعليكم ألا تبلغوا بأصواتكم وراء الحد الذي يبلغه بصوته، وأن تغضوا منها بحيث يكون كلامه غالباً لكلامكم، وجهره باهراً لجهركم، حتى تكون مزيته عليكم لائحة، وسابقته واضحة

Apabila baginda dan kamu sama-sama berbicara, kamu jangan meninggikan suara melebihi suara baginda. Kamu perlu tahan suaramu agar jangan melebihi suara baginda sehingga kamu meletakkan kelebihan baginda jelas....

(Tafsir al-Nasafi pada surah al-Hujurat ayat 2).

**KEHORMATAN SERTA KEMULIAAN BAGINDA
SAW KEKAL WALAUPUN SELEPAS KEWAFAATAN
BAGINDA.**

**APABILA DIBACA NAMA, KISAH HIDUP ATAU
HADITH BAGINDA, KITA PERLU DIAM MEMBERI
HORMAT**

MENINGGIKAN SUARA DALAM MASJID NABI?

عَنْ السَّائِبِ بْنِ يَزِيدَ قَالَ كُنْتُ قَائِمًا فِي الْمَسْجِدِ فَحَصَبَنِي رَجُلٌ فَنَظَرَتُ فَإِذَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ
فَقَالَ اذْهَبْ فَأُتِينِي بِهَذِينِ فَجِئْتُهُ بِهِمَا قَالَ مَنْ أَنْتُمَا أَوْ مِنْ أَيْنَ أَنْتُمَا قَالَا مِنْ أَهْلِ الطَّائِفِ قَالَ لَوْ كُنْتُمَا مِنْ أَهْلِ الْبَلْدِ لَأَوْجَعْتُكُمَا
تَرْفَعَانِ أَصْوَاتَكُمَا فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Al-Sa'ib bin Yazid berkata, Aku berada dalam Masjid Nabawi. Tiba-tiba ada seseorang melontarkan batu kecil. Apabila aku lihat, rupa-rupanya lelaki itu adalah 'Umar bin al-Khattab. Beliau berkata: "Tolong ke sana dan bawa datang kepadaku 2 lelaki itu." Aku pun bawa mereka berdua bertemu 'Umar. 'Umar bertanya: "Siapa kamu berdua atau dari mana kamu berdua ini datang?" Mereka berdua menjawab: "Kami dari Ta'if." 'Umar menegaskan: "**JIKA KAMU BERDUA PENDUDUK TEMPATAN, SUDAH PASTI AKU PUKUL KERANA KALIAN TELAH MENINGGIKAN SUARA DALAM MASJID NABI SAW**" (Sahih al-Bukhari, 450).

**BERSESAK, BERGADUH,
BERMASAM MUKA KETIKA
MASUK KE RAUDHAH??**

**RAUDHAH PADA ZAMAN
NABI MENJADI PUSAT
IBADAH, ILMU DAN
RAHMAT. RAUDHAH PADA
ZAMAN KITA MENJADI
PUSAT LATIHAN SABAR?**



**MENINGGI SUARA KEPADA NABI SELEPAS
BAGINDA WAFAT?**

**KIASAN KEPADA SIKAP BIADAB TERHADAP
AGAMA DAN SUNNAH BAGINDA**



BUKU BULANINI

PERANG GERILA DENGAN SYAITAN

(TALBIS IBLIS MELAYU MODEN)



ABDULLAH BUKHARI
ABDUL RAHIM AL-HAFIZ

"Sesungguhnya, syaitan dan kaumnya melihat kamu dalam keadaan
kamu tidak dapat melihat mereka."

(Surah al-A'raf 7: 27)

PERANG GERILA DENGAN SYAITAN

MENGUAK MISTERI JIN & SYAITAN
MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH



ISI BUKU....

- Sejarah di langit serta permusuhan awal.
- Pengenalan tentang jin, iblis dan syaitan.
- Kelebihan dan kelemahan jin dan syaitan.
- **Rasul dan sahabat Nabi SAW dalam kalangan jin?**
- Sifat-sifat syaitan serta cara serangan iblis dan syaitan.
- **Senjata untuk menghadapi serangan syaitan.**
- **Nama jin dan syaitan dalam al-Quran dan sunah.**
- **Komentar terhadap riwayat berkenaan nama-nama syaitan.**



Bab 4

RASUL DAN SAHABAT NABI DALAM KALANGAN JIN



Pada suatu hari, Khalifah Umar Ibn Abdul Aziz رض melalui padang pasir yang kering-kontang. Beliau menemui seekor ular yang telah mati. Beliau kemudian membungkus ular tersebut dengan lebihan pakaiannya lalu menanamnya.

Tiba-tiba, beliau terdengar suatu suara,

رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْكَ يَا سُرَقُ ! فَأَشْهَدُ لَسْبِعَتْ رَسُولَ اللَّهِ
تَمُوتُ - يَا سُرَقُ ! - فِي فَلَةٍ مِنَ الْأَرْضِ يَدْفَنُكَ حَيْزِ
أُمَّتِي . فَقَالَ لَهُ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ : مَنْ أَنْتَ يَرْحَمُكَ
اللَّهُ ? قَالَ : أَنَا رَجُلٌ مِنَ الْجِنِّ وَهَذَا سُرَقٌ ، وَلَمْ يَكُنْ
مِّنْ بَايِعَ رَسُولَ اللَّهِصلوات الله عليه وسلم مِنَ الْجِنِّ أَحَدٌ غَيْرِي .

Ertinya: "Rahmat Allah buatmu, wahai Surraq (nama jin yang mati)! Aku bersaksi bahawa aku benar-benar mendengar Rasulullah صلوات الله عليه وسلم berkata kepadamu, 'Wahai Surraq, kamu akan mati di padang pasir yang kontang lalu kamu akan dikafan serta dikebumikan oleh seorang lelaki terbaik daripada kalangan umatku (lelaki soleh).'"

Kemudian, Khalifah Umar bertanya, "Siapakah kamu?" Jawab suara itu, "Aku ialah lelaki daripada kalangan jin manakala yang mati itu namanya ialah Surraq. Kini, sudah tiada lagi generasi jin yang mula-mula beriman kepada Rasulullah صلوات الله عليه وسلم yang masih hidup kecuali aku."²⁹

²⁹ Imam al-Baihaqi, *Dala'il al-Nubuwah* dan Badr al-Din al-Syibli, *Akam al-Marjan fi Ahkam al-Jann*, hlm. 70.



Bab 5

ADAKAH JIN BOLEH DITANGKAP?



PERANG GERILA DENGAN SYAITAN

► Ketika menghuraikan hadis di atas, Imam al-Nawawi memetik kata-kata al-Qadi Iyadh yang bermaksud, “Kelebihan itu (menangkap jin) dikhususkan untuk Nabi Sulaiman ﷺ sahaja. Oleh itu, Nabi ﷺ terhalang daripada mengikatnya. Ia berlaku sama ada kerana:

- Baginda ﷺ tidak mampu.
- Setelah Baginda teringat tentang kelebihan tersebut khusus untuk Nabi Sulaiman ﷺ, lantas Baginda tidak jadi untuk mengikat (jin tersebut) kerana menyangka bahawa diri Baginda tidak mampu menangkap jin.
- Baginda merendah diri bagi menghormati Nabi Sulaiman ﷺ.³¹


Penggunaan perkataan لَوْلَا (kalaularah bukan kerana) dalam bahasa Arab membawa maksud (حُرْفُ امْتِنَاعٍ لِلْوُجُودِ) (huruf yang digunakan untuk menafikan kewujudan sesuatu aktiviti), sepetimana ayat berikut, “*Kalaularah bukan kerana rumah saya didatangi tetamu semalam, sudah pasti saya dapat hadir bersama kamu ke majlis tersebut.*” Penggunaan perkataan tersebut jelas menunjukkan penafian kehadiran ke majlis itu (sama sekali) kerana wujudnya halangan.

Hadis di atas menunjukkan bahawa Baginda ﷺ langsung tidak mampu menangkap jin. Kemampuan Baginda sebagaimana yang disebut hadis itu berlaku dengan izin daripada Allah ﷺ. Ia dapat difahami pada matan hadis tersebut (وَإِنَّ اللَّهَ أَمْكَنَنِي مِنْهُ) (Allah telah membantuku untuk menewaskannya).



Nabi ﷺ sendiri tidak pernah menangkap jin. Perkara yang berlaku, iaitu Baginda hanya mengusir jin atau syaitan. Dalam sebuah hadis ada menyebut kisah seorang wanita membawa anak kecilnya yang terkena rasukan syaitan bertemu

³¹ Syarh Sahih Muslim oleh Imam al-Nawawi.



Komentar Kritis terhadap Riwayat Nama Anak-anak Iblis dan Tugasannya

Allah ﷺ menyebut bahwa Iblis mempunyai zuriat dan keturunan. Firman-Nya,

﴿ وَإِذْ قُلْنَا لِلشَّيْطَانَ كَمْ أَسْجَدْتُ لِأَدَمَ فَسَجَدَ إِلَيْهِ إِبْلِيسُ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَقَسَّمَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ أَشْجَدْنَاهُ وَذَرْنَا أُولَئِكَةَ مِنْ دُوَيْ وَهُنَّ لَكُمْ عَدُوٌّ يَتَّسَعُ لِالظَّلَمِيَّنَ بَدْلًا ﴾

Ertinya: "Dan (ingatlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat, 'Sujudlah kamu kepada Adam.' Lantas, mereka sujud melainkan iblis. Dia berasal daripada golongan jin lalu dia menderha terhadap perintah Tuhananya. Oleh itu, patutkah

¹¹ Tafsir ibn Kathir pada tafsiran Surah al-Baqarah 2: 34.

222

Daring Gerak dgj Syekh Ali Jaber | 222

0010/2020 10:02:46 AM

KOMENTAR TERHADAP RIWAYAT BERKENAAN NAMA-NAMA SYAITAN

kamu menjadikan Iblis dan keturunannya sebagai teman yang menjadi pemimpin selain daripada-Ku? Sedangkan mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amatlah buruknya pengganti yang dipilih oleh mereka itu bagi orang yang zalim."

(Surah al-Kahfi 18: 50)

Ketika menterjemahkan ayat ini, sesetengah muftisir membawa sebuah riwayat yang menyebut tentang lima anak iblis yang memiliki portfolio tersendiri dalam menyesatkan manusia. Riwayat tersebut biasanya disandarkan kepada Imam Mujahid (tabi'in). Nama dan tugasannya ialah:

Zalnabur (زنبر)	→ Mengganggu manusia di pasar.
Tsabar (تسابر)	→ Menghasut manusia yang ditimpakan musibah.
Al-A'war (الأعور)	→ Menghasut manusia melakukan zina.
Masuth (مسعث)	→ Menyebarluaskan berita palsu pada lidah manusia. Dalam <i>Tafsir ibn Abi Hatim</i> , <i>Tafsir al-Alusi</i> dan <i>al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur</i> (Imam al-Suyuti) pula menyebut Masut ialah nama syaitan yang mengganggu Nabi Ayub ﷺ (lihat pada tafsiran Surah Sad 38: 41).
Dasim (ذاسيم)	→ Mengiringi manusia ke dalam rumah apabila tidak dibaca basmalah atau tidak disertakan zikir kepada Allah ﷺ.

meluas dalam banyak laman sesawang di Internet. Setakat yang diperhatikan, semua dakwaan itu tidak mempunyai sandaran sanad.

Penulis juga menemui dakwaan tersebut dalam kitab *Miftah al-Jannah* karangan Syeikh Muhammad Tayyib bin Mas'ud al-Banjari terbitan Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd. yang beroperasi di Pulau Pinang pada halaman 36. Ia tertulis, "(Soalan) Dalam Fatihah itu ada beberapa tempat nama syaitan? (Jawab) Tujuh tempat: Pertama, Dulillah (دُلِّلَهْ) di antara dal (د) dengan lam (ل) pada (نَدْلَهْ); Kedua, Hirobb (هِرَبْ) di antara ha (هاء) dengan Robb (رَبْ); Ketiga, Kiyaw (كِيَوْ) di antara kaf (ك) dengan ya (ي) pada (نَكِيلَكْ يَوْمَ الْكِتَابْ); Keempat, Kana' (كَنْعْ) di antara kaf (ك) dengan nun (ن) pada (نَعْنَاءْ); Kelima, Kanas (كَنْسْ) di antara kaf (ك) dengan nun (ن) pada (نَكْنَسْ); Keenam, Ta'alai (تَعَلَّيْ) di antara ta (ت) dengan 'ain (ع) pada (أَنْتَ تَعَلَّمَنَّا); Ketujuh Bi'alai (بَعْلَيْ) di antara ba (ب) dengan 'ain (ع) pada (أَنْتَ بَعْلَمَنَّا). Inilah yang disebut, maka wajib membaca Surah al-Fatihah supaya tidak membentuk atau menyebut nama syaitan itu agar sah bacaannya."

Kesimpulannya, tujuh nama syaitan dalam Surah al-Fatihah akan muncul sekiranya tidak dibaca dengan tajwid yang betul, iaitu:

1 **Dulillah** (دُلِّلَهْ)

2 **Hirobb** (هِرَبْ)

3 **Kiyaw** (كِيَوْ)

4 **Kana'** (كَنْعْ)

5 **Kanas** (كَنْسْ)

6 **Ta'alai** (تَعَلَّيْ)

7 **Bi'alai** (بَعْلَيْ)

Komentar terhadap Dakwaan Nama Jin yang Boleh Mendatangkan Sakit Misteri

Pada hari Sabtu 17 Disember 2011, dalam rancangan *Tanyalah Ustaz* terbitan TV9, seorang penceramah agama yang juga pengamal perubatan Islam telah mendakwa bahawa jin mempunyai beberapa nama yang sering digunakan dalam kalangan mereka. Nama tersebut juga amat popular dalam kalangan orang Melayu.

Beliau membuat dakwaan tersebut berdasarkan pengalamannya merawat pesakit. Kebanyakan pesakit yang mengalami penyakit misteri berkaitan gangguan jin biasanya menggunakan nama yang sering digunakan oleh para jin seperti **Najwa**, **Erisya**, **Batrisyia**, **Qistina**, **Zakwan** dan sebagainya. Penceramah itu juga mengeluarkan sebuah buku bertajuk, *Seindah Nama Semurni Peribadi* yang diterbitkan oleh Vesselmas Sdn. Bhd. Pada halaman 439-454, penulis buku itu menyenaraikan nama jin yang disusun dalam susun atur abjad rumi.

Dakwaan penceramah tersebut perlu ditolak kerana ia telah menyentuh sempadan alam ghaib yang hanya diketahui oleh Allah ﷺ (Surah al-Naml 27: 65). Sandaran pengalaman merawat pesakit juga tidak boleh dijadikan hujah untuk menanggapi persoalan alam ghaib, **apatah lagi untuk disebut secara terbuka kepada masyarakat awam dalam media penyiaran**. Tindakan sedemikian akan menimbulkan kekeliruan serta menyuburkan budaya khurafat yang mendakwa sebarang penyakit boleh berpunca daripada kesilapan memberikan nama.